

UNDANG-UNDANG KECIL

CETAKAN SEMULA

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BERAT)
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2012**

Mengandungi segala pindaan hingga 10 Disember 2020.

DITERBITKAN OLEH
JABATAN UNDANG-UNDANG
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
2021

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
(Akta 333)**

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BERAT)
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2012**

BAHAWASANYA melalui Pemberitahuan No. 2413 yang disiarkan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 21 Jun 2012, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta itu, Majlis Bandaraya Subang Jaya, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Berat) (Majlis Bandaraya Subang Jaya) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2012.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan berat yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama di atas jalan yang dinyatakan di dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama adalah dilarang.

Pengecualian


3. Kenderaan yang menjadi harta Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri dikecualikan daripada peruntukan Perintah ini.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2) Jalan yang baginya larangan terpakai	(3) Tempoh Larangan
Berat dengan muatan melebihi 10,000 kg termasuk lori tangka minyak atau air, lori balak dan treler	1. Persiaran Tujuan 2. Persiaran Kewajipan	6.30 pagi – 9.30 pagi 4.30 petang – 7.30 malam

JADUAL KEDUA

PETA JALAN BAGI PERINTAH JALAN
(LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BERAT)
DI PERSIARAN TUJUAN DAN PERSIARAN KEWAJIPAN



Bertarikh 30 Ogos 2012
[MPSJ/JUU/100-1/28; P.U. Sel. Am 0076/1 Jld 5]

DATO' ASMAWI BIN KASBI
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Subang Jaya